

**Perjanjian air dirahsiakan elak campur tangan dalaman PKR, kata MB Selangor  
Malaysian Insider  
Feb 28, 2014  
OLEH MD IZWAN**

Menteri Besar Selangor Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim mendedahkan Perjanjian Persefahaman (MoU) dengan Putrajaya dirahsiakan dengan tujuan mengelak campur tangan pemimpin tertinggi dalam PKR, lapor akhbar milik MCA The Star.

Abdul Khalid berkata, beliau diperkenalkan dengan individu tertentu yang mahukan nilai pengambilalihan aset air ditetapkan pada harga tinggi berbanding selepas penilaian sebanyak RM9.65 bilion.

"Saya menjadi pegawai bank pelaburan sudah lama serta melihat kepada prinsip penilaian sebelum menentukan harga. Saya tegas dengan prinsip penilaian dan menetapkan harga pada RM9.65 bilion," kata Abdul Khalid dipetik berkata daripada akhbar The Star hari ini.

Rabu lalu, Abdul Khalid menandatangani MoU dengan Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) bagi menyelesaikan isu air di Selangor.

Bagaimanapun, beberapa pemimpin tertinggi PKR tidak diberitahu tentang perjanjian tersebut, malah Datuk Seri Anwar Ibrahim sendiri tidak mengetahuinya.

"Mereka ini mahu menetapkan harga dan mahu penilaian untuk mewajarkan harga mereka," kata Khalid lagi.

Antara isi kandungan perjanjian tersebut termasuklah kerajaan negeri yang dipimpin Pakatan Rakyat (PR) akan membenarkan Putrajaya meneruskan Loji Rawatan Air Langat 2.

Selain itu, kerajaan negeri juga akan memberikan pampasan bernilai RM9.65 bilion kepada empat syarikat konsesi air di Selangor.

Ekoran pengambilalihan itu, satu konsortium air untuk menguruskan industri air di Selangor yang akan dibentuk di bawah seliaan Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB).

Kerajaan negeri Selangor menjangkakan pengambilalihan syarikat konsesi tersebut selesai dalam tempoh tiga bulan.

Maklumat yang diperoleh dari Pejabat Menteri Besar Selangor semalam turut menyatakan, melalui pengambilalihan ini, diharap mampu menyelesaikan masalah air kerana kerajaan negeri memiliki kemampuan kewangan dan tenaga kerja berpengalaman di samping pengurusan air lebih cekap dan mantap.

Berdasarkan kenyataan bersama yang dikeluarkan kerajaan negeri Selangor dan kementerian berkenaan pada Rabu, Loji Langat 2 akan diteruskan pembinaannya dalam tempoh 30 hari selepas MoU berkenaan ditandatangani.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/perjanjian-air-dirahsiakan-elak-campur-tangan-dalaman-pkr-kata-mb-selangor>